

Banjir kilat kedua dalam tempoh tiga hari

RAWANG - Jalan Batu Arang (B27) berhampiran pusat beli-belah Aeon Rawang sekali lagi dinaiki air dalam tempoh tiga hari akibat banjir kilat, semalam.

Jurucakap Balai Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor memaklumkan, hujan lebat bermula jam 3 petang itu menyebabkan paras air Sungai Gong meningkat kepada 3.5 meter.

Menurutnya, limpahan dari sungai itu juga menyebabkan jalan tersebut tidak boleh dilalui kenderaan ringan.

"Air sungai melimpah ke jalan B27 kerana paras air sungai yang tinggi dan laluan air antara Sungai Gong dan Kundang di paras maksima.

"Tiada rumah terlibat dalam banjir kilat itu, sebaliknya hanya Jalan B27 dan deretan kedai di jalan tersebut terjejas.



Antara imej yang sempat dirakam orang awam, semalam.

"Inlet kolam takungan yang dalam pembinaan terpaksa ditutup bagi mengelakkan berlaku kerosakan pada tiang kabel elektrik," katanya.

Rabu lalu, lokasi sama di-

naiki air akibat hujan lebat. Laluan tersebut adalah hotspot banjir kilat sejak lebih 10 tahun lalu dan kini dalam proses naik taraf sungai bagi mengurangkan permasalahan itu.



Limpahan air sungai yang naik mendadak menyebabkan laluan tidak dapat dilalui kenderaan ringan.